

08 JUN 1998

DR MAHATHIR MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MT UMNO

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno yang dijangka membincang kedudukan naib presiden dan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib.

Mesyuarat yang bermula 9 malam di ibu pejabat Umno di sini juga akan membincangkan persiapan Perhimpunan Agung parti antara 19 dan 21 Jun ini.

Mesyuarat itu turut dihadiri Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Muhammad dibebaskan oleh Mahkamah Daerah Brisbane, Australia 29 Mei lepas daripada dua tuduhan membuat perisytiharan palsu mengenai wang yang dibawanya semasa memasuki Australia pada 16 Dis 1996 serta gagal mengisytiharkan lebih A\$1.26 juta (RM2.9 juta) ketika mahu berlepas ke New Zealand enam hari kemudian.

Beliau meletakkan jawatan Menteri Besar dan bercuti jawatan Naib Presiden parti setelah didakwa di mahkamah Brisbane berhubung kes itu.

Dalam perkembangan terbaru, Muhammad akan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini Rabu ini berkaitan kegagalan mengisytiharkan semua hartanya mengikut Akta Pencegahan Rasuah.

Peguaam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah hari ini berkata setelah mengkaji dan meneliti semua keterangan hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) beliau berpuas hati terdapat bukti prima facie terhadap Muhammad.

-- BERNAMA

TM PR